




UPM Menang Emas Pameran Water Malaysia



Dr. Nor Azah Yusof menerangkan penyelidikannya kepada pengunjung.

KUALA LUMPUR, 21 MEI – Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya memenangi satu pingat emas pada Pameran Water Malaysia 2009 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini.

Dr. Nor Azah Yusof dari Fakulti Sains memenangi pingat itu melalui projek ImprintSorb for Rapid Removal of Dye from Aqueous Environment iaitu penghasilan ImprintSorb (penjerap) yang berasaskan polimer cetak (imprint polymer) untuk rawatan air seperti pewarna dari air kumbahan dengan pantas dan berkesan.

"Kelebihan penjerap ini ialah mudah dikitar semula, boleh diguna semula sehingga 100 kali, tahan terhadap suasana persekitaran yang ekstrem dan kaedah penyimpanan yang sangat mudah," katanya pada pertandingan yang telah diadakan buat kali kelima itu.

Beliau berkata penjerap itu sesuai digunakan pihak industri fabrik yang banyak menggunakan pewarna sehingga menyebabkan pencemaran air yang berleluasa.

Sementara itu seorang penyelidik UPM, Prof. Dr. Mohd Razi Ismail dari Fakulti Pertanian memenangi pingat gangsa melalui produk Water Saving in Horticultural Crop Production.

Pameran Water Malaysia merupakan pameran berkaitan penyelidikan dan pembangunan dalam industri air anjuran The Malaysian Water Association dan Malaysian Association of Research Scientists (MARS) dengan mempertandingkan 20 penyertaan.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti Bahagian Komunikasi Korporat UPM.